


1 - 15 MAC, 2023

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow




KEPELBAGAIAN produk yang dihasilkan.





AZHAR Arshad (duduk, berbaju Melayu) mengetuai delegasi MBSP menyerahkan set kitar semula khas kepada Ketua Menteri Pulau Pinang baru-baru ini.



ANTARA produk yang dicipta menggunakan tayar dan kayu terpakai.



# UNIT UPCYCLE MBSP

## cipta produk kreatif demi komuniti

**SESETENGAH** masyarakat mungkin memandang barangan terbuang seperti tayar, kayu, tong dram dan lain-lain hanya sebagai sampah semata-mata.

Namun, berbeza pula dengan Unit Upcycle Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang berupaya menukar bahan-bahan buangan tersebut kepada produk baharu yang lebih bermanfaat.

Penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** sempat mendekati pasukan berkaitan yang diketuai **MOHD. SABRI MOHD. SIDIK** untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Menurut Mohd. Sabri, idea untuk melaksanakan projek *upcycle* muncul atas kesedaran untuk mengurangkan penghasilan sampah terutamanya di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung.

"Idea ini kemudiannya dilaksanakan buat pertama kali di depoh MBSP dekat Seberang Perai pada tahun 2016.

"Selepas itu, pada tahun 2017 kita berjaya mewujudkan 'Taman Upcycle' pertama di Malaysia bersebelahan Menara Bandaraya (MBSP) yang mana ia turut mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* (MBOR).

"Tambahan pula, sepertimana yang kita sedia maklum, MBSP merupakan Kerajaan Tempatan nombor satu di Malaysia bagi kadar kitar semula tertinggi," ujarnya ketika ditemui dekat Depoh Pembersihan MBSP Kepala Batas pada 25 Januari lalu.

Mohd. Sabri memberitahu bahawa Unit Upcycle JPP MBSP sangat kreatif dalam menghasilkan rekaan hiasan baharu untuk diletakkan di tempat bersesuaian seperti halaman rumah, taman-taman awam dan tempat-tempat lain.

"Mereka ini kreatif, bak kata orang tangan itu 'menjadi' bila reka hiasan-hiasan buatan tangan yang dihasilkan dengan teliti.

"Selain membuat produk-produk *upcycle*, unit tersebut turut berperanan menyelenggara kebuk-kebuk pembuangan sampah di jalan raya supaya berada dalam keadaan baik," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad dan Pengarah JPP MBSP, Ahmad Zabri Sarajudin kerana tanpa jemu memberi sokongan kepada Unit Upcycle JPP untuk menghasilkan pelbagai rekaan menarik.

Buletin Mutiara dalam pada itu, turut berkesempatan menemu bual salah seorang lagi kakitangan unit berkaitan, **AZIZUL ABDUL RAHIM**.

Menurut Azizul, beliau dan rakan-rakan mempunyai lebih daripada 40 rekaan khas produk *upcycle* setakat ini.

"Pasukan kami dipecahkan kepada beberapa kumpulan mengikut kepakaran masing-masing seperti bahagian kayu, tong dram dan tayar.

*(Sambungan di muka 2).*

(Sambungan dari muka 1).

# Rekaan teliti buatan tangan



AZIZUL Abdul Rahim (duduk, tiga dari kiri) dan Mohd. Sabri Mohd. Sidik (duduk, tiga dari kanan) bersama-sama pasukan Unit Upcycle JPP MBSP ketika ditemui dekat Depoh Operasi Pembersihan Taman Bertam Indah baru-baru ini.



BARANGAN buangan yang bakal dikitar semula.

"Selain daripada Taman Upcycle di MBSP, 'karya-karya' pasukan kami turut ditempatkan di *Upcycle Lane* Taman Tunku, Seberang Jaya dan di Taman Merbau sebagai landskap," ujarnya.

Kepakaran Unit Upcycle MBSP tidak hanya memberi manfaat kepada komuniti, bahkan kreativiti mereka turut dikongsikan kepada sekolah-sekolah di sekitar Seberang Perai.

Difahamkan, sebanyak 10 sekolah terlibat dengan bengkel berkaitan antaranya, Sekolah Kebangsaan (SK) Lahar Yooi, SK Pengkalan Jaya, SK Bagan Ajam, SK Bumbung Lima, SK Ara Rendang dan SK Padang Menora.

Turut terlibat, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Haji Ahmad Badawi, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Telok Air Tawar, SMK Dato Onn dan SMK Kampung Kastam.

"Atas permintaan umum, kami turut membuka tempahan dan jualan kepada orang ramai pada harga yang berpatutan.

"Namun, hasilnya bukanlah ke poket sendiri, sebaliknya dimasukkan sebagai hasil kepada MBSP.

"Harga perabot yang dihasilkan contohnya, dijual pada anggaran harga RM400 hingga RM800 bergantung kepada jenis dan permintaan daripada pelanggan," ulasnya lanjut yang turut menghasilkan barangan kegunaan lain seperti tempat gantung kunci, peti surat, tabung dan bermacam-macam lagi.

Tambah Azizul, koleksi rekaan sesetengah perabot juga adalah bernilai tinggi kerana mempunyai logo MBSP yang dihasilkan dengan tangan tetapi tetap dijual pada harga yang berpatutan.

Tambah beliau, terdapat sesetengah produk seperti pelekat adalah dilukis sendiri, kecuali bahagian ukiran yang dibuat menggunakan gabungan seni tangan serta mesin ukir.

"Jadual harian untuk cipta sesuatu barangan juga kita buat untuk selaraskan semua projek bagi memastikan produk-produk ini siap pada masa yang ditetapkan.

"Contohnya, kita akan atur minggu ini kita hendak buat apa…sama ada pasu, motosikal, burung, kerusi atau lain-lain," jelasnya yang bersama-sama pasukannya akan mencari sendiri bahan-bahan terbuang tersebut di kedai atau kilang.

Walau bagaimanapun kata Azizul, tanpa pembelajaran, mustahil untuk seseorang menguasai kemahiran-kemahiran dalam mencipta barangan baharu menggunakan barangan terbuang tersebut.

"Kami masing-masing belajar antara satu sama lain, tidak kurang juga tengok dalam *Youtube* berkenaan video-video *upcycle* yang ditunjukkan.

"Jabatan letak sasaran lima produk dalam masa sebulan, bergantung kepada saiz mengikut permintaan orang ramai selain permintaan daripada Ahli Majlis MBSP sendiri untuk kawasan masing-masing.

"Terdapat juga pihak berkuasa tempatan (PBT) yang datang ke MBSP dan buat lawatan ke *Upcyle Lane* untuk melihat hasil yang dicipta.

"Malah, pasukan kami sedang menyiapkan sebuah jam dinding untuk disampaikan kepada Yang Dipertua Negeri (TYT) dengan menyematkan gambar beliau bersama-sama isteri yang dijangka siap dalam masa terdekat," katanya menutup bicara.

Difahamkan, antara kenamaan lain yang pernah menerima cenderahati berupa produk *upcycle* berkaitan termasuk Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Zuki Ali dan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).




DEPOH Operasi Pembersihan Taman Bertam Indah yang merupakan ibu pejabat Unit Upcycle JPP bagi MBSP.



# Keluarga asnaf terima manfaat SPERA ZPP

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**PENANTI –** Seramai 20 asnaf terpilih di negeri ini bakal menerima manfaat menerusi Skim Pendawaian Elektrik Rumah Asnaf (SPERA) yang diperkenalkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Amran Hazali berkata bahawa SPERA merupakan salah satu skim agihan yang terkini daripada ZPP dengan kerjasama strategik Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bukit Mertajam.

Menurut beliau, ZPP telah memperuntukkan RM120,000 bagi menjayakan program tersebut dengan setiap keluarga bakal menerima peruntukan maksimum sehingga RM6,000.

"Melalui skim ini, pihak IKTBN akan menggunakan kepakaran mereka untuk membuat pemeriksaan dan kerja-kerja pembaikan pendawaian elektrik di rumah asnaf yang telah dikenal pasti, sementara ZPP akan membiayai kos menggunakan dana agihan zakat.




**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima seusai majlis menandatangani perjanjian kerjasama strategik antara ZPP dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bukit Mertajam bagi pelaksanaan SPERA di sini baru-baru ini.**

"Skim ini diperkenalkan selepas kita mendapati kebanyakan rumah di Pulau Pinang terutamanya di kampung-kampung masih lagi menggunakan pendawaian elektrik yang berusia puluhan tahun dan berisiko mengalami masalah litar pintas.

"(Dan) kita sedia maklum bahawa kos untuk melakukan pemeriksaan serta pembaikan elektrik rumah kediaman adalah tinggi dan boleh mencecah ribuan ringgit.

"Oleh itu, diharapkan kita dapat membantu mereka dalam hal ini dan seterusnya dapat menjauhi bencana kebakaran rumah akibat litar pintas," katanya pada Majlis Pelancaran Program Kerjasama Strategik ZPP dan IKTBN Bukit Mertajam dekat Masjid Jamek Kubang Ulu di sini 26 Januari lalu.

Pelancaran program tersebut disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Turut hadir, Timbalan Pengarah Pengurusan Latihan IKTBN Bukit Mertajam, Muzkhairil Muhamad serta pegawai-pegawai ZPP.

Mengulas lanjut, Amran berkata bahawa SPERA dijalankan secara berfasa dengan mengikut kariah di seluruh negeri ini yang akan bermula dengan projek rintis di dalam Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

"Fokus akan diberikan kepada asnaf fakir dan miskin yang merupakan penerima skim kewangan bulanan daripada ZPP.

"Antara syarat kelayakan skim ini adalah penerima hendaklah tinggal di rumah sendiri atau rumah pusaka manakala asnaf yang tinggal di rumah sewa atau rumah dibina oleh pemaju tidak layak menerima skim baharu ini," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin berkata bahawa program kerjasama strategik tersebut membuktikan kesungguhan ZPP dalam menunaikan amanah pembayar zakat di Pulau Pinang dengan memberikan hak sebaiknya kepada golongan yang memerlukan.

"Saya dimaklumkan bahawa pada tahun 2022, ZPP berjaya mengagihkan sebanyak RM3.05 juta untuk keseluruhan skim agihan perumahan melibatkan projek bina baru (22 rumah) telah dibina untuk asnaf yang layak serta bagi Skim Baik Pulih (82 rumah) telah dibaik pulih.

"Diharapkan, melalui semua skim agihan yang diterima daripada ZPP ini digunakan sebaik mungkin oleh keluarga asnaf khasnya untuk menampung kos kehidupan seharian," ujarnya.

## Titi baru Sungai Ara, penduduk berpeluang pilih reka bentuk

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN LEPAS -** Titi pejalan kaki utilitarian merentasi sungai di Sungai Ara dirobohkan bagi memberi laluan kepada projek pembinaan titi pejalan kaki yang baharu.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata, titi pejalan kaki berkaitan merupakan laluan segera bagi penduduk di kawasan sekitar.

"Titi baharu yang bakal dibina itu bukan sahaja berfungsi sebagai akses kepada penduduk di sini untuk ke pasar terdekat tetapi juga sebagai tarikan terbaharu dengan reka bentuk yang cantik, besar dan ikonik.

"(Tambahan pula), kawasan di sekitar Taman Jajar Sungai Ara merupakan lokasi popular untuk rekreasi seisi keluarga, maka penting untuk menjadikan tempat ini lebih menarik dengan adanya titi pejalan kaki yang bakal menjadi mercu tanda baharu di sini," ujarnya pada majlis pengumuman projek tersebut sempena Siri Jelajah ♥ PENANG 2.0 bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ke Parlimen Bayan Baru di sini 14 Januari lalu.



**SIM Tze Tzin.**

Hadir sama, Ahli Parlimen Balik Pulau, Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain yang juga Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan serta ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz.

Bercakap mengenai kos pembinaan, Tze Tzin memaklumkan bahawa anggaran kos adalah sebanyak RM270,000 dan akan menggunakan peruntukan daripada pejabatnya.

"Lain-lain perbelanjaan selain kerja-kerja reka bentuk akan menyusul dan akan diumumkan kelak.

"Dijangkakan projek pembinaan ini mengambil masa selama dua bulan untuk disiapkan, dan buat sementara waktu para penduduk terpaksa berjalan lebih jauh daripada biasa untuk ke pasar," katanya.

Tambah beliau, firma seni bina iaitu BYG Architecture Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk merealisasikan projek tersebut.

"Pihak arkitek juga akan menghasilkan dua reka bentuk yang mana para penduduk di sini dipelawa untuk memilih reka bentuk pilihan melalui slip undian atau melalui imbasan kod QR di kafe-kafe tempatan di sini," ulasnya lanjut.

Difahamkan, pembinaan titi pejalan kaki merentas sungai itu adalah di bawah Fasa 1 dalam perancangan pembangunan di kawasan tersebut.

"Selain itu, pengubahsuaian pasar di sini juga dalam perbincangan yang mana rancangan awal adalah untuk memasukkan beberapa elemen menarik sebagai tarikan.

"Misalnya, dengan menggalakkan lebih ramai peniaga tempatan untuk berniaga di pasar ini dan tidak hanya terhad kepada barangan am dan barangan basah sahaja," jelas Tze Tzin.

Sementara itu, Kon Yeow ketika ditemui pada majlis tersebut menzahirkan sokongan atas inisiatif wakil-wakil rakyat membangunkan projek pembangunan demi manfaat rakyat.

"Oleh yang demikian, saya berharap penduduk di kawasan ini mengambil peluang ini untuk memilih reka bentuk paling digemari dan semoga ia memberi manfaat kepada anda semua pada masa hadapan," serunya yang turut meninjau kawasan sekitar di sini.



**KEADAAN titi utilitarian yang digunakan oleh penduduk sebelum ini.**



**ILUSTRASI artis menunjukkan cadangan reka bentuk titi pejalan kaki di sini.**

# PROGRAM ADIWIRA KRIKET

**PERSATUAN** Kriket Negeri Pulau Pinang (PCA) memperkenalkan program Adiwira Kriket dalam usaha mencungkil lebih ramai atlet muda terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah rendah.

Presiden PCA, **T. YOGANRAJ** ketika ditemui Buletin Mutiara memberitahu bahawa pada masa sama, program tersebut juga diwujudkan dengan matlamat untuk mempopularkan semula sukan kriket di negeri ini.

"Sebelum ini, pencapaian pasukan kriket Pulau Pinang agak baik tetapi selepas tahun 2014, prestasi sukan ini agak merosot disebabkan tidak ada lagi pembangunan yang menyeluruh.

"Ini kerana kebanyakan atlet yang menyertai sukan kriket adalah terdiri daripada guru-guru sekolah yang mana mereka sudah meninggalkan persatuan atas pelbagai faktor dan pada masa sama usaha mencari pelapis baru semakin perlahan dijalankan.

"Sejak tahun 2019, saya mula mengambil alih pengurusan PCA dan cuba menghidupkan kembali sukan ini kerana minat yang mendalam terhadap kriket," katanya kepada wartawan, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** ketika ditemui sempena wawancara khas dekat Sekolah Kebangsaan (SK) Stowell, Bukit Mertajam pada 16 Januari lalu.



PASUKAN kriket wanita di bawah bimbingan jurulatih Rakesh Kumar Jeeva (barisan belakang, lima dari kiri).

## Fokus bangunkan atlet wanita

Yoganraj berkata, malangnya usaha tersebut berdepan kekangan selepas negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran penularan COVID-19.

"Keadaan ini menyebabkan kita tidak boleh menjalankan latihan kerana PCA tidak mempunyai padang latihan sendiri.

"Biasanya kita menjalani latihan di sekolah tetapi memandangkan pelaksanaan PKP, kita tidak dibenarkan menggunakan kemudahan di sekolah.

"Jadi, kita ambil alternatif untuk menjalankan latihan asas sahaja seperti cara membaling serta menangkap bola di taman-taman awam yang dibenarkan dan keadaan tersebut berterusan selama dua tahun," jelasnya.

Namun begitu menurut Yoganraj, PCA tetap menghantar pasukan dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) edisi ke-20 yang berlangsung pada September tahun lalu.

"Sejujurnya, pencapaian kami agak kurang baik kerana menghadapi kekalahan pada setiap perlawanan tetapi kami tetap optimis untuk bangkit pada masa akan datang," katanya.

Yoganraj menyatakan bahawa tumpuan PCA kini adalah untuk mencungkil seramai mungkin bakat atlet wanita kerana dilihat mempunyai potensi yang tinggi untuk diangkat ke peringkat kebangsaan.



T. Yoganraj.

"Semasa saya ambil alih, PCA hanya mempunyai empat atlet lelaki, jadi sekarang kita fokus untuk mencungkil bakat lebih ramai atlet wanita kerana mereka juga dilihat mempunyai banyak potensi.

"Buktinya, apabila kita berjaya mendapat naib johan dalam kejohanan *T20 Super Series* anjuran Persatuan Kriket Malaysia (MCA) di Kuala Lumpur pada Januari lalu walaupun ini merupakan pertandingan pertama yang disertai oleh pasukan kriket wanita Pulau Pinang.

"Lebih membanggakan apabila pada peringkat akhir kita berdepan dengan pasukan Kuala Lumpur yang dibarisi oleh semua pemain profesional.

"Oleh itu, kita boleh katakan bahawa potensi sukan kriket wanita sangat tinggi dan ramai bakat yang boleh digilap pada peringkat sekolah rendah lagi," ujarnya.

Justeru, beliau memberitahu bahawa fokus PCA ketika ini adalah untuk memperkenalkan sukan kriket dan mengesan bakat melalui sekolah-sekolah.

"Sehingga kini, kita sudah masuk ke hampir 13 sekolah termasuk sekolah rendah dan menengah di seluruh negeri ini.

"Tidak semua sekolah yang kita pergi berminat, jadi kita terpaksa adakan kursus kejurulatihan dan sekiranya ada yang berminat kita akan ambil sebagai atlet," ujarnya sambil menambah bahawa jumlah atlet yang bernaung di bawah PCA kini semakin bertambah.

## Cabaran

Ditanya mengenai kekangan yang dihadapi oleh PCA dalam usaha mengangkat martabat sukan kriket di negeri ini, Yoganraj berkata bahawa selain tempat latihan, cabaran utama adalah dari segi kewangan serta tenaga kerja.

"Namun begitu, PCA bernasib baik kerana berjaya mendapatkan khidmat jurulatih daripada bekas atlet kebangsaan India yang mana kita berikan beliau sedikit elaun untuk melatih bakat-bakat baru.

"Dari segi bantuan kewangan pula, pada masa ini PCA hanya menerima sumbangan daripada Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, YB Steven Sim Chee Keong.

"Tanpa bantuan mereka memang sukar untuk PCA bergerak kerana kita tidak mengambil apa-apa bayaran daripada atlet memandangkan matlamat kami adalah untuk menggalakkan lebih ramai menyertai sukan kriket," katanya.

Selain itu tambah beliau, guru-guru yang mengajar sukan kriket pada masa kini semakin berkurangan berbanding sukan lain yang mempunyai program pembangunan tersendiri dari peringkat akar umbi.

"Ada sesetengah sekolah yang ada atlet tetapi tidak mempunyai guru untuk melatih mereka… tambahan pula kebanyakan sekolah tidak mempunyai fasiliti lengkap untuk menjalani latihan yang intensif.

"Oleh itu, kita akan bawa pelajar-pelajar yang terpilih untuk menjalani latihan di SK Stowell kerana sekolah ini sahaja di Seberang Perai yang mempunyai kemudahan untuk latihan.

*(Sambungan di muka 5).*

# cungkil bakat atlet muda

"Sebenarnya, ada sebuah lagi sekolah yang mempunyai fasiliti latihan kriket iaitu dekat *Penang Free School* di bahagian pulau tetapi masalahnya di sekolah ini kita terpaksa bersaing dengan pasukan kriket lelaki kerana mereka juga menjalani latihan di sana.

"Justeru, kita sedang berusaha untuk menambah satu lagi sekolah sebagai pusat latihan kriket iaitu di SK Sri Permai dekat Bayan Lepas," katanya.

## Usaha mempopularkan kriket

Walaupun berdepan pelbagai kekangan, Yoganraj menyatakan bahawa pihaknya tidak pernah berputus asa dalam usaha mempopularkan semula sukan kriket di Pulau Pinang.

Serentak itu menurut beliau, PCA pada masa kini sedang giat mengadakan lebih banyak pertandingan sebagai inisiatif untuk memperkenalkan lagi sukan tersebut.

"Selain itu, kita juga akan menjalani lebih banyak latihan di tempat-tempat terbuka seperti Padang Polo di samping berusaha memenangi lebih banyak pertandingan yang disertai pada masa akan datang.

"Sebenarnya, sukan kriket mempunyai masa depan yang cerah di Pulau Pinang dan Malaysia kerana ia mempunyai banyak pertandingan di peringkat Asia dan dunia, cuma masalah kita adalah isu kekurangan pemain profesional.

"Oleh itu, pada tahun ini PCA merancang untuk menghantar lima pemain kita ke India bagi menimba pengalaman sebagai salah satu usaha untuk melahirkan pemain profesional pada masa akan datang.

"Kita sudah adakan perbincangan dengan persatuan kriket di India untuk tujuan ini, dan kita perlu membayar RM3,000 untuk seorang pemain bagi menjalani latihan di sana selama sebulan," ulasnya lanjut.

Mengulas mengenai harapan terhadap masa depan sukan kriket, Yoganraj berkata bahawa PCA kini sedang berusaha mendapatkan sebidang tanah untuk dijadikan sebagai padang latihan sendiri.

"Kita pernah bawa isu ini kepada Kerajaan Negeri tetapi saiz tanah yang kami perlukan agak luas iaitu kira-kira 10 ekar, jadi Kerajaan Negeri tidak dapat tunaikan hasrat kita ketika ini memandangkan Pulau Pinang mempunyai isu kekurangan tanah," katanya.

Beliau berkata, PCA juga telah menubuhkan kelab sendiri dekat Taman Tembikai, Bukit Mertajam sebagai langkah lebih serius dalam mengembangkan lagi sukan kriket.

"Sekiranya ada ibu bapa yang berminat untuk menghantar anak-anak mereka menjalani latihan, kita sudah tubuhkan satu akademi kriket untuk pelajar bawah 12 tahun.

"Akademi ini beroperasi pada setiap hari Selasa hingga Sabtu tetapi untuk menjalani latihan di sini ibu bapa dikenakan sedikit bayaran.

"Selain itu, kami juga mengalu-alukan sekiranya ada mana-mana persatuan kriket yang berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan PCA dengan menghubungi talian 012-406 2348," katanya mengakhiri bicara.

## Potensi

Pada sesi sama, Buletin Mutiara turut berpeluang menemu bual ketua jurulatih pasukan kriket, **RAKESH KUMAR JEEVA** yang mempunyai pengalaman luas dalam sukan tersebut.

Menurut beliau, penglibatan beliau dalam sukan kriket di Malaysia bermula sebagai jurulatih sambilan di bawah Program Adiwira untuk melatih atlet kriket lelaki pada tahun 2019.

Kini, di bawah program yang sama, beliau akan memfokuskan kepada usaha mengesan bakat-bakat baru bagi atlet wanita pada peringkat sekolah rendah untuk dilatih menjadi atlet kriket negeri pada masa akan datang.

Mengulas lanjut, Rakesh Kumar menyatakan bahawa di bawah program latihan berstruktur PCA, pemain kriket yang kebanyakannya pelajar perempuan berumur antara 14 dan 16 tahun kembali menjalani sesi latihan secara konsisten sejurus selepas tamat pelaksanaan PKP.

"Pasukan kami turut mendapat bantuan daripada tiga pemain senior dari skuad kebangsaan untuk membimbing atlet terutamanya semasa persediaan menghadapi kejohanan *MCA T20 Super Series* pada Januari lalu," ujarnya.



**NUR Tasnim Elisa Mohd. Asmadi.**

Tambah beliau, atlet yang dilatih merupakan pasukan baru ditubuhkan pada tahun ini yang menggabungkan pelajar-pelajar dari beberapa sekolah sekitar Bukit Mertajam.

"Ini termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tinggi Bukit Mertajam, SMK Convent Bukit Mertajam, SMK Machang Bubuk dan SMK Bukit Mertajam yang mana sekolah-sekolah ini merupakan sebahagian daripada tumpuan PCA untuk pembangunan kriket wanita di negeri ini," ulasnya lanjut.

Menyentuh mengenai potensi sukan kriket di Malaysia dan Pulau Pinang khasnya, Rakesh Kumar memberitahu bahawa sukan tersebut mengalami banyak perkembangan terutamanya pasca penularan pandemik COVID-19.

"Sebelum pandemik melanda, saya melihat kriket banyak disertai oleh orang asing tetapi sekarang semakin ramai rakyat tempatan mula mengambil bahagian dalam sukan ini termasuk pada peringkat sekolah.

"Di Pulau Pinang juga, usaha untuk membangunkan sukan ini dilihat sangat giat dilakukan terutamanya oleh PCA sehingga kita mampu membangunkan sebuah pasukan kriket wanita dalam masa yang singkat," katanya.

Sementara itu, **NUR TASNIM ELISA MOHD. ASMADI**, 16, salah seorang atlet yang terlibat dalam kejohanan *MCA T20 Super Series* berkata bahawa beliau tidak menyangka pertandingan pertama yang disertainya itu membawa gelaran sebagai naib johan.

"Kami sebenarnya tidak menyangka mampu pergi sehingga ke peringkat akhir kerana pada awalnya kami hanya sasarkan peringkat suku akhir sahaja memandangkan pasukan kami baru mula menjalani latihan beberapa bulan lalu.

"Alhamdulillah… rezeki menyebelahi kami walaupun tiga tahun tidak jalani latihan tetapi berjaya juga masuk ke peringkat akhir dan mendapat naib johan," ujarnya penuh semangat.

Menurut Nur Tasnim Elisa, selain semangat berpasukan, kejayaan tersebut turut disumbangkan oleh tunjuk ajar yang diberikan oleh tiga atlet profesional kebangsaan.

"Mereka banyak memberi tunjuk ajar untuk memperbaiki corak permainan kami sehingga kami mampu muncul sebagai naib juara pada kejohanan tersebut," jelasnya yang mula bermain kriket sejak berumur 12 tahun lagi.

*(Sambungan di muka 6).*




**BERJAYA menjulang trofi sebagai naib johan pada kejohanan MCA T20 Super Series Januari lalu.**

# Pemeteraian MoU tubuh lebih banyak Pusat Interaksi Belia

Teks & Gambar : **NUR ASHIKIN ISMAIL**



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (empat dari kiri) berserta tetamu kehormat lain bergambar kenang-kenangan di hadapan Pusat Interaksi Belia bersempena majlis menandatangani MoU dekat sini baru-baru ini.**

**TELUK AIR TAWAR -** Wakaf Pulau Pinang (WPP) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berasaskan komuniti, *ADAB Youth Garage* (AYG) menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bagi menubuhkan lebih banyak Pusat Interaksi Belia di negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa Pulau Pinang telah menjadi *'hotspot'* penubuhan pusat belia melalui kerjasama agensi Kerajaan Negeri, WPP, *Etiqa Cares* serta beberapa lagi pihak berkaitan.

"AYG mampu menjadi penghubung antara agensi Kerajaan Negeri sedia ada dengan kumpulan sasar, sebagai contoh agensi seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), *Penang Science Cluster* (PSC) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP).

"Di (Pusat Interaksi Belia), terdapat pelbagai kemudahan untuk golongan belia menjalankan aktiviti seperti komputer, internet, perpustakaan mini dan sebagainya... paling menarik, semuanya adalah percuma.

"Justeru, saya berharap agar kemudahan berkenaan dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan belia dalam membantu membentuk sahsiah serta jati diri dalam mendepani pelbagai cabaran masa kini," ujarnya semasa merasmikan Pusat Interaksi Belia berkenaan dekat Pangsapuri Wakaf An-Nur di sini 15 Januari lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif WPP, Rosidi Hussain; Ketua Pegawai Eksekutif AYG, Muhammad Nizam Samsudin; Ahli Majlis bagi Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Maktar Shapee; Setiausaha MAINPP, Datuk Samsudin Bakar; Pengarah Jabatan Hal Ehwal MAINPP, Zulkifli Rashid serta barisan pegawai dan wakil dari Etiqa Takaful.

Dalam pada itu, Rosidi turut menyatakan bahawa kolaborasi bersama pihak AYG dilaksanakan susulan pencapaian penubuhan (Pusat Interaksi Belia) di negeri Selangor.

"Istimewanya, Pusat Interaksi Belia di Pulau Pinang ini dibina di atas tanah wakaf kendalian WPP. Oleh itu, syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang menjayakan kerjasama utuh ini.

"Difahamkan, menjelang tahun ini AYG sedang meneroka peluang untuk menubuhkan sekurang-kurangnya tiga lagi Pusat Interaksi Belia baharu termasuk di Kedah dan Perak yang dijangka siap selewat-lewatnya awal tahun depan," ulasnya lanjut.

---

*(Sambungan dari muka 5).*

# Galakkan lebih ramai sertai sukan kriket

Difahamkan, Nur Tasnim Elisa yang kini merupakan pelajar di SMK Tinggi Bukit Mertajam sebelum ini pernah mewakili negeri Pulau Pinang dalam pertandingan kriket bawah 12 tahun yang berlangsung di Selangor.

Beliau memberitahu bahawa kemenangan pasukannya pada kejohanan baru-baru ini ternyata menaikkan semangat mereka untuk menceburi sukan kriket secara lebih serius.

"Sekarang timbul cita-cita untuk muncul sebagai pemain profesional dan mampu mewakili negara suatu hari nanti," katanya sambil menambah bahawa pemain kriket kebangsaan, Aina Najwa Abdul Rahman merupakan salah seorang atlet profesional yang menjadi inspirasinya ketika ini.

Nada sama turut dikongsi oleh seorang lagi atlet **DARLING NADA ZAHRA DIYANAH AHMAD FADZIL**, 16, dari SMK Tinggi Bukit Mertajam.

"Saya mula bermain kriket sejak berumur 12 tahun lagi tetapi terpaksa berhenti seketika semasa masuk ke Tingkatan 1 kerana pandemik COVID-19.

"Kemudian pada tahun 2022, kami buat keputusan untuk kembali membentuk pasukan dan menjalani latihan sebelum berjaya dipilih menyertai kejohanan *MCA T20 Super Series*.

"Alhamdulillah… walaupun berlatih dalam masa yang sangat singkat tetapi kami berjaya mendapat gelaran naib johan," ujarnya yang turut bergiat aktif dalam beberapa sukan lain seperti bola jaring, bola baling, bola tampar dan memanah.







**TEKNIK permainan sukan kriket.**

# Kedai gunting rambut PAK OMAQ masih 'gah'



RAZALI Said menunjukkan sijil Anugerah Cemerlang Warisan 100 Tahun yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepadanya.

**ANUGERAH WARISAN 100 TAHUN**
**Wawancara Khas**

**SEBUT** sahaja Kedai Gunting Rambut 'Pak Omaq', hampir kebanyakan penduduk asal Kepala Batas dekat daerah Seberang Perai Utara (SPU) pasti tahu lokasinya.

Di tengah-tengah pekan, berhadapan Kompleks Komersial Kepala Batas, kedai milik **RAZALI SAID**, 75, sudah lebih 100 tahun bertapak di situ segagah kudrat tuannya sendiri.

Ketika melalui kawasan tersebut, penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** sempat menemu ramah Razali yang merupakan generasi ketiga pemilikan kedai tersebut.

"Asalnya kedai ini milik seorang individu berasal dari (negara) India tetapi lepas dia balik ke negara asalnya, ayah saya mula mengambil alih kedai ini.

"Selepas ayah saya meninggal dunia, kedai ini diwariskan pula kepada saya memandangkan saya sudah mula menggunting rambut di sini sejak berusia 25 tahun lagi," ujar Razali yang berasal dari Sungai Layar, Kedah dan sudah lama menetap di Kepala Batas.

Razali memberitahu bahawa kadangkala beliau 'tak menang tangan' melayan pelanggan setia yang datang mendapatkan perkhidmatan di kedainya walaupun terdapat persaingan daripada beberapa lagi kedai gunting rambut yang berkonsepkan *'hipster'* di Kawasan tersebut.

"Setiap hari saya menerima kira-kira 20 orang pelanggan. Kalau ramai sangat pun susah juga kerana saya sudah berusia dan cepat berasa penat… jadi takut 'tak menang tangan'.



PEMOTONG rambut klasik yang masih disimpan.

"Bagi saya, jumlah kehadiran pelanggan seperti sekarang sudah memadai bagi saya untuk meraih pendapatan bagi menampung perbelanjaan harian," katanya sambil menambah bahawa presmis perniagaannya beroperasi dari jam 10 pagi hingga 7 petang setiap hari Ahad hingga Khamis.

Tambahnya lagi, kebanyakan yang datang ke kedai gunting rambut beliau adalah pelanggan setia yang berusia 40-an termasuk segelintir generasi muda.

"Kadang-kadang ada budak-budak muda minta saya gayakan rambut mereka mengikut fesyen terkini tetapi kalau gaya yang mereka mint aitu susah sangat maka saya menolak dengan baik… bukan apa takut nanti lain yang 'depa' mahu, lain pula yang 'dapat'," selorohnya yang masih menyimpan beberapa peralatan gunting rambut klasik.

Razali berkata, beliau masih lagi menggunakan peralatan lama untuk menggunting rambut meskipun kebanyakan tukang gunting pada masa ini menggunakan 'mesin' yang lebih moden berasaskan tenaga elektrik atau bateri.

"Selain peralatan menggunting, kemudahan di kedai ini seeprti perabot dan almari juga sudah bersia lebih 100 tahun.

"Selain itu, saya juga antara peminat piring hitam yang mana piring hitam kepunyaan saya masih berfungsi dengan baik sehingga kini," maklum Razali yang turut menyimpan potret-potret lama seniman agung tanah air, Tan Sri P. Ramlee dan masih terjaga dengan kemas serta baik.

Sebelum ini, Razali juga pernah dijemput oleh kolej komuniti setempat untuk mengajar teknik menggunting rambut kepada pelajar.

"Semasa menjalani latihan praktikal di sini generasi muda dilihat sukar hendak sesuaikan diri dengan *'style'* saya kerana masih mengguna pakai konsep lama," ulas ayah kepada dua cahaya mata itu.

Mengulas mengenai waris, Razali berkata beliau masih samar-samar mengenai masa depan perniagaannya itu.

"Anak lelaki saya buat bekerja makan gaji di Sungai Petani dan saya pernah menyuarakan Hasrat untuk menwariskan perniagaan ini kepadanya tetapi dia masih lagi mempertimbangkannya.

"Mungkin satu hari nanti, dia akan sambung legasi ini… siapa yang tahu kan," katanya menutup bicara.



PERABOT antik di premisnya.





KOLEKSI seniman negara.



TURUT berpengalaman menghasilkan seni latte dalam secawan kopi.

# ‘JURUTERA KOPI’

**H**IPSTER, minimalis, unik dan estetik merupakan antara konsep baharu yang kini sering diterapkan di kafe-kafe seluruh dunia termasuk di Pulau Pinang, terutamanya golongan muda-mudi yang singgah untuk menikmati secangkir kopi sambil bersantai dengan rakan-rakan dan berswafoto bersama-sama.

Trend sebegini juga dilihat memberi nilai tambah kepada pengusaha dari segi publisiti dan promosi apabila pengunjung yang berkunjung tidak melepaskan peluang memuat naik gambar mahupun video pendek ke media sosial peribadi masing-masing.

Bagi **MOHD. RIDZUAN MOHD. KAMIL**, 39, pemilik Kafe brwnsgr. neighbourhood, pembukaan kafe berkenaan pada Ogos 2022 bukanlah bertujuan untuk mengembangkan rangkaian perniagaannya semata-mata tetapi juga sebagai platform untuk berkongsi cita rasa dan keistimewaan pelbagai jenis kopi.

“Di Kafe browns.neighbourhood, saya cuba tampilkan perspektif baru terhadap kopi dan kek, sambil menikmati sambil belajar mengenai kopi serta profil rasa jenis-jenis kopi dan kek,” ujarnya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** di kafe yang terletak di 2L, Jalan Delima, *Island Glades*.

Berkelulusan dalam bidang kejuruteraan mekanikal dari Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI), Mohd. Ridzuan sebelum ini pernah bekerja dalam sektor pembuatan di Juru.

Malah, beliau juga pernah mengambil upah menjadi jurugambar sambilan bagi majlis-majlis perkahwinan sebelum ‘terjun’ ke arena makanan dan minuman (F&B) dengan menjual kek secara dalam talian dari rumah.

## Perjalanan perniagaan ‘Jurutera Kopi’

Meskipun memiliki kelulusan dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan bukannya dari bidang F&B, namun dek kerana minat Mohd. Ridzuan dan pasangannya, **SUHANA SHAHABUDIN**, 39, memberanikan diri membuka sebuah kafe di kawasan tumpuan pelancong di George Town.

“Pada ketika itu, kafe-kafe tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan yang mana rata-rata menawarkan variasi cita rasa.

“Saya mengambil risiko, ‘kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya’, saya beranikan diri memulakan perniagaan F&B dengan membuka kafe dikenali sebagai *The Table Penang* pada tahun 2014.

“Kafe ini menyajikan makanan barat seperti burger dan pasta yang mana kesemua menu ini adalah *‘homemade’* dan diolah mengikut cita rasa komuniti lokal.

“Waktu kafe ini dibuka, tak banyak kafe yang dimiliki oleh orang Melayu, jadi *The Table Penang* antara peneraju yang menghidangkan makanan selera barat yang halal, ringkas, autentik dan *homemade*.

“(Dan) sebagai seorang yang mempunyai pengetahuan dalam bidang kejuruteraan, segala dekorasi termasuk kerusi dan meja adalah menggunakan idea sendiri dan isteri.

“Alhamdulillah, sambutan yang diterima amat menggalakkan sehingga membolehkan saya perkenalkan rangkaian baru yang tertumpu pada kopi dan kek,” jelasnya.

Setelah hampir tiga tahun bertungkus-lumus ‘menuntut’ dan mempelajari sendiri ilmu mengenai kopi, Mohd. Ridzuan menjenamakan semula rangkaian baru dengan memfokuskan kopi dan kek sebagai menu utama.

“Kafe Brown Sugar Eatery wujud tanpa ada *outlet* fizikal, kira ‘menumpang’ di *The Table Penang* dulu sebelum berpindah ke Bayan Lepas.

“(Dan) seperti kafe-kafe lain, Kafe Brown Sugar Eatery juga tampil dengan kelainan yang mana kami menggunakan gula perang sebagai bahan utama dalam semua menu kami.

“Bermula dari situlah, ‘*Brown Sugar*’ ini diangkat sebagai jenama perniagaan kami, yang mana kami mahu semua produk yang dihasilkan melalui kafe kami lain daripada yang lain dan hanya boleh dinikmati di *outlet* kami sahaja,” katanya.





RUPA Kafe brwnsgr.neighbourhood di Jalan Delima, Island Glades.





SALAH seorang barista sedang membancuh kopi yang diminta pelanggan.

## Kafe brwnsgr.neighbourhood tawar menu lokal

Di Kafe brwnsgr.neighbourhood, Mohd. Ridzuan memberitahu bahawa menu-menu yang ditawarkan lebih bersifat lokal mengikut cita rasa tempatan rakyat Malaysia.

“Misalnya kek keju yang dihasilkan di sini mempunyai perisa seperti pandan, bandung, ‘kuih lapis’, ‘kuih bakar’, ‘apam balik’ selain daripada perisa original, coklat Belgium, beri biru dan sebagainya.

“Begitu juga minuman, yang mana kami menggunakan biji kopi sama ada dari jenis *Brazilian, Colombian* ataupun *Guatemala* dan merancang untuk mengadakan *‘house blend roasted coffee’* pada masa depan.

“Setakat ini, rata-rata pelanggan berpuas hati dengan variasi kopi yang disediakan. Walaupun kopi sebagai hidangan minuman utama, kafe ini turut menyajikan minuman alternatif dan tidak berkafeina.

“Antara hidangan kopi *‘signature’* di sini adalah seperti *‘Cremo Latte’, ‘Mocha Fredo’, ‘Super Sonic’* dan *‘Orange Sunkiss’*.

“Bagi bukan penggemar kopi kami mempunyai *‘gryphon artisan tea’* seperti *‘Copacabana’, ‘Lemon Ginger Mint’, ‘Marrakesh Mint’, ‘Mogambo’* dan *‘Chamomile’* atau pilihan variasi minuman berperisa coklat dan *‘matcha’*.

“Alhamdulillah, walaupun baru dibuka di kawasan kejiranan ini, menu-menu di kafe ini mula mendapat perhatian terutama penduduk di sekitar sini,” kongsinya yang masih mahu mempelbagaikan lagi penggunaan bahan dalam menu yang disediakan.

*(Sambungan di muka 9).*

# saji kopi, kek cita rasa lokal autentik





HASIL seni latte yang menarik.



KEK keju berperisa bandung yang menjadi antara tarikan kafe ini.

## Konsep minimalis jadi pilihan

Sama seperti *The Table Penang* yang terletak di Lebuh Carnarvon dan Kafe Brown Sugar Eatery di Jalan Sultan Azlan Shah, Kafe brwnsgr.neighbourhood juga di tata hias secara minimalis.

"Dekorasi dan susun atur perabot bagi setiap kafe adalah secara minimalis yang mana setiap ruang yang ada memenuhi keperluan dan kapasiti.

"Misalnya di *The Table Penang* reka bentuk meja makan adalah hasil cetusan idea saya dan isteri menggunakan kayu palet dan sebagainya, begitu juga di *outlet* di Bayan Lepas yang menggunakan konsep bar kontena.

"Di sini, kami mahu setiap pelanggan yang datang rasa *'homy'* seperti di rumah sambil menikmati kopi dan kek," ujarnya yang masih dalam proses untuk mengubah suai ruangan di hadapan kafe tersebut.

Difahamkan, Kafe brwnsgr.neighbourhood bertindak sebagai *'central kitchen'* untuk pembuatan kek sebelum dibawa ke *outlet* lain setiap hari.

## Cabaran perniagaan

Setiap perniagaan tanpa mengira saiz pasti akan menempuhi pelbagai cabaran begitu juga dalam perniagaan kafe. Cabaran dari segi persaingan perniagaan, perubahan cita rasa, keadaan ekonomi semasa dan persekitaran perniagaan adakala memerlukan tindakan pantas dalam merangka strategi agar perniagaan yang diusahakan dapat bergerak seiring perubahan keadaan.

Tidak menafikannya, Mohd. Ridzuan akui perjalanan hidup sebagai usahawan memerlukannya untuk berfikir pantas dalam menentukan hala tuju perniagaannya. Hal ini termasuk isu kekurangan tenaga kerja dalam sektor F&B telah menyebabkan wujudnya 'tekanan' kepada pengusaha kafe atau premis makanan.

"Tak ramai anak muda yang berminat bekerja dalam bidang F&B ini, ramai yang beralih menjadi penghantar makanan kerana mempunyai masa yang lebih fleksibel jika dibandingkan kerja di kafe," katanya yang kini mempunyai keseluruhan sembilan orang barista dan lima tukang masak di ketiga-tiga *outlet*.

Ditanya mengenai cabaran perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Mohd. Ridzuan berkata seperti peniaga lain juga, dia juga terkesan.

